

BULETIN CASSIA



Bil : 2/2020 (Julai-Disember) Edaran Percuma

www.mdkampar.gov.my



MISOOSH
EST. 1971
MALAYSIAN SOCIETY FOR OCCUPATIONAL SAFETY AND HEALTH



ANUGERAH KESELAMATAN & KESIHATAN PEKERJAAN

Kategori Perkhidmatan Awam & Pihak Berkuasa Tempatan

MISOOSH GOLD CLASS 1 AWARD 2020

PERUTUSAN YANG DIPERTUA MAJLIS DAERAH KAMPAR



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Senyuman

Alhamdulillah, saya memanjatkan rasa syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurniaanNYA, dengan berkat kekasihNYA, Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW, Buletin Cassia Bil. 2/2020 Majlis Daerah Kampar (MDKpr) telah berjaya diterbitkan. Sekalung penghargaan saya ingin sampaikan kepada Ahli-Ahli Sidang Redaksi Buletin dan semua Jabatan yang telah memberi kerjasama dalam penerbitan buletin ini.

Alhamdulillah, MDKpr sentiasa berusaha untuk melaksanakan penambahbaikan dalam sistem penyampaian perkhidmatan melalui pencapaian dan pengiktirafan di peringkat Kebangsaan dan Negeri. Episod kejayaan dan pencapaian adalah atas usaha gigih dan kerja berpasukan yang menjadi budaya kerja di MDKpr. Dengan pengiktirafan yang diterima dapat memotivasikan diri kepada setiap warga kerja MDKpr untuk memastikan penyampaian lebih berkesan dan cemerlang kepada masyarakat pada setiap masa.

MDKpr telah memenangi Anugerah berprestij MSOSH OSH Gold Class 1 Award sempena Malaysia Society Occupational Safety and Health (MSOSH) bagi kategori Perkhidmatan Awam dan Pihak Berkuasa Tempatan. Majlis penganugerahan telah diadakan secara atas talian pada 26 November 2020. Ini menunjukkan usaha MDKpr untuk memastikan langkah-langkah keselamatan bagi setiap warga kerja dikawal selia mengikut standard yang ditetapkan dan diamalkan secara berterusan.

Selain itu, MDKpr juga telah diumumkan sebagai pemenang bagi Anugerah Kejiranan Hijau (AKH) Tahun 2020 kategori Pihak Berkuasa Tempatan Daerah bagi Penyediaan Laluan Pejalan Kaki dan Laluan Basikal. Bagi kategori Kebun Kejiranan Kampung dalam Bandar, Komuniti Surau Kg. Sekian.

Terusun Batu Putih, Kampar telah memenangi tempat pertama manakala tempat kedua telah dimenangi oleh Ecik Wong Chee Weng dari Desa Lawan Kuda, Gopeng. Majlis Daerah Kampar



Akhir kata, saya mengucapkan terima kasih kepada seluruh warga MDKpr yang sentiasa memberikan komitmen yang tinggi dan berusaha memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada warga penduduk Daerah Kampar di samping menaikkan imej organisasi MDKpr.

ABDUL HALIM BIN SAAD, AMP
Yang Dipertua

SIDANG REDAKSI

PENAUNG

Tn. Abdul Halim bin Saad, AMP.

PENASIHAT

Pn. Siti Azura binti Hj. Juki, AMP.

KETUA EDITOR

Pn. Khumaizah binti Aziz

PEREKA GRAFIK

Nur Azura binti Russ Soli

WARTAWAN

- 1) Muhamad Hisham bin Hashim
- 2) Rozzilla binti Mohamad Som
- 3) Mohd Salim bin Saleh
- 4) Nor Syazana binti Amrah@Omrah
- 5) Mahfuzah binti Mokhtar
- 6) Izham bin Barahim
- 7) Masriza binti Lazarous
- 8) Muhamad Syarafi bin Mohd Said
- 9) Muhammad Zulhelmi bin Mohd Salji
- 10) Ahmad Faizal bin Baharom
- 11) Hamishah binti Ahamed
- 12) Hafiza binti Makri
- 13) Nurul Fahana binti Md Bakri

MEDIA CASSIA

- 1) Faridzul Arif bin Mohd Hashim
- 2) Alif Syairazi bin Mohd Sopian






MAJLIS PELANCARAN KEMPEN KIBAR JALUR GEMILANG SEMPENA BULAN KEMERDEKAAN



Kempen Kibar Jalur Gemilang telah diadakan pada 18 Ogos 2020 di Pekarangan Lobi Kompleks Pentadbiran MDKpr. Ianya adalah aspirasi kerajaan dalam memastikan rakyat bersama-sama mengibarkan Jalur Gemilang dan menanam semangat patriotik sempena menyambut Hari Kemerdekaan Malaysia yang ke-63. Antara aktiviti yang diadakan ialah bacaan sajak, nyanyian lagu patriotik dan penyerahan bendera kepada kenderaan Ahli Majlis dan milik MDKpr.



Sumbangan

BEG SEKOLAH

Pada 29 Disember 2020 telah berlangsung majlis Sumbangan Beg Sekolah kepada kepada anak-anak kakitangan MDKpr daripada Ahli Majlis di Auditorium MDKpr. Program ini diadakan bertujuan meringankan beban kewangan kakitangan MDKpr ketika Covid-19 melanda.



AUDIT ANUGERAH KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN MALAYSIA (MSOSH)

Anugerah Keselamatan dan Kesihatan Pekerja MSOSH merupakan acara tahunan anjuran Persatuan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja Malaysia yang bertujuan memberi pengiktirafan kepada pertubuhan yang berdaftar di bawahnya melalui hasil pengauditan yang dilakukan oleh panel juruaudit MSOSH bagi melihat kepatuhan terhadap polisi Keselamatan dan Kesihatan Pekerja (KKP) kebangsaan dan amalan pengurusan KKP terbaik diamalkan. En. Arbain bin Ramli dan En. Mohammad Najib bin Ahmad telah menjalankan audit di MDKpr pada 12 Ogos, 2020. Dokumen telah dibentangkan oleh Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerja MDKpr. Penilaian yang dibuat dalam pengauditan MSOSH ini adalah melibatkan kakitangan daripada beberapa jabatan dalaman. Temuduga diadakan dengan wakil pengurusan atasan, pegawai peringkat pertengahan dan kakitangan MDKpr.

Anugerah Prestasi Keselamatan dan Kesihatan Pekerja tahunan, bertujuan untuk memberi pengiktirafan sewajarnya kepada semua organisasi atau syarikat yang telah mencapai rekod keselamatan dan kesihatan yang terpuji dan menunjukkan peningkatan dalam proses keselamatan dan kesihatan pekerja melalui sistem pengurusan keselamatan dan kesihatan yang baik. Anugerah Keselamatan dan Kesihatan Pekerja MSOSH memberikan peluang untuk pekerja, pengurusan dan orang awam bagi lebih mengenali kejayaan MDKpr dalam prestasi Keselamatan dan Kesihatan yang boleh menjadi contoh untuk memberi inspirasi kepada organisasi lain. Diharapkan agar MDKpr mendapat pengiktirafan terbaik daripada audit yang telah berlangsung.



PROGRAM DAN AKTIVITI MAJLIS DAERAH KAMPAR PROGRAM KUALITI



PENILAIAN AKHIR PENYEDIAAN LALUAN BERBASIKAL DAN LALUAN PEJALAN KAKI SEMPENA **ANUGERAH KEJIRANAN HIJAU 2020**

Majlis Daerah Kampar telah disenarai pendek sebagai finalis pemenang untuk Anugerah Kejiranan Hijau 2020 (AKH 2020) bagi dua kategori iaitu :

1. Penyediaan Laluan Berbasikal
2. Penyediaan Laluan Pejalan Kaki.


Satu lawatan tapak telah diadakan pada 27 September 2020 ke semua kawasan yang dipertandingkan telah dilawati oleh panel penilai daripada PLAN Malaysia yang diketuai oleh Dr. Yong Chee Kong selaku Ketua Juri diiringi Puan Nen Farhana binti Ahmad Foad bersama Tuan Yang Dipertua, pegawai dan kakitangan MDKpr.



Tahniah kepada semua warga Majlis yang bersama menjayakan penyertaan anugerah ini sama ada secara langsung atau tidak langsung. Jutaan terima kasih diucapkan kepada pengurusan tertinggi yang sentiasa menyokong penuh untuk semua penyertaan pertandingan yang disertai.



PROGRAM DAN AKTIVITI MAJLIS DAERAH KAMPAR PROGRAM KUALITI



SAMBUTAN HARI PERANCANG BANDAR SEDUNIA PERINGKAT KEBANGSAAN 2020

Sambutan Hari Perancang Bandar Sedunia (HPBS) 2020 telah diadakan pada 10 November 2020 (Selasa) jam 3.00 petang secara siaran langsung di aplikasi Facebook yang telah dirasmikan oleh YB Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin selaku Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Sempena Sambutan HPBS 2020 telah diumumkan pemenang bagi Anugerah Kejiranan Hijau (AKH) 2020 yang melibatkan kategori Pihak Berkuasa Tempatan Daerah (Laluan Pejalan Kaki dan basikal) dan Majlis Daerah Kampar telah terpilih sebagai pemenang.



Di samping itu, bagi kategori Kebun Kejiranan Kampung dalam Bandar, Komuniti Surau Kampung Tersusun Batu Putih, Kampar telah memenangi tempat pertama manakala tempat kedua dimenangi oleh Encik Wong Chee Weng dari Desa Lawan Kuda, Gopeng dalam anugerah ini mewakili Pihak Berkuasa Tempatan Majlis Daerah Kampar

Tahniah diucapkan kepada semua pemenang Anugerah Kejiranan Hijau (AKH) 2020



AUDIT KESELURUHAN EKSA 1.0

Pada 2 November 2020 (Isnin) dan 5 November 2020 (Khamis) telah diadakan Audit Keseluruhan Pertama, Pengauditan Semua Zon Eksa MDKpr. Audit Keseluruhan Pertama ini melibatkan pengurusan tertinggi MDKpr dan semua Jawatankuasa Audit Dalam EKSA, Jawatankuasa Induk dan Teknikal EKSA MDKpr. Program ini adalah kesinambungan audit yang perlu dilaksanakan bagi memastikan elemen-elemen EKSA yang telah diterapkan selama ini dipatuhi sejajar dengan garis panduan EKSA MDKpr sebelum Cross Audit EKSA daripada lain-lain agensi dijalankan.

Lawatan Audit Keseluruhan Pertama ini telah dibuat di semua Zon EKSA merangkumi semua zon di dalam pejabat iaitu Zon Ruby, Zon Firuz, Zon Nilam, Zon Zamrud, Zon Jed, Zon Opal dan Zon Delima, Pejabat Pusat Kitar Semula, Bilik Pameran Kitar Semula, Pondok Pengawal Keselamatan, Kaunter Pandu Lalu, Tempat Meletak Kenderaan dan Motor Anggota MDKpr dan kenderaan Majlis, landskap dan kebersihan di sekeliling Kawasan Kompleks Pentadbiran MDKpr. Dalam lawatan audit ini, beberapa penemuan bagi penambahbaikan pelaksanaan EKSA telah ditemui. Kerja pengauditan telah bermula pada jam 9.00 pagi dan berakhir pada jam 6.00 petang.



AUDIT KESELURUHAN EKSA 2.0



Pada 30 November 2020 (Selasa) telah diadakan Audit Keseluruhan Kedua, Pengauditan Semua Zon Eksa MDKpr telah diadakan. Audit Keseluruhan Kedua ini juga melibatkan pengurusan tertinggi MDKpr dan semua Jawatankuasa Audit Dalam EKSA, Jawatankuasa Induk dan Teknikal EKSA MDKpr. Program ini adalah rentetan Audit Keseluruhan Pertama yang telah diadakan pada 5 November 2020 yang perlu dipatuhi. Audit Keseluruhan Kedua ini juga dilaksanakan bagi memastikan elemen-elemen EKSA yang telah diterapkan terus dipatuhi sejajar dengan garis panduan EKSA MDKpr sebelum Audit Pensijilan EKSA oleh pihak MAMPU dijalankan.

Kerja pengauditan telah bermula pada jam 9.00 pagi dan berakhir pada jam 5.30 petang.



PENYERAGAMAN PAPAN TANDA EKSA

Pada 28 September 2020 telah bermula Proses Penyeragaman Papan Tanda dan Pelan Tindakan Kebakaran. Semua label-label dan pelan Tindakan Kebakaran yang seragam telah dipamerkan pada setiap zon dan kawasan pelaksanaan EKSA di MDKpr. Keseragaman label-label dan Pelan Tindakan Kebakaran ini dapat membantu warga MDKpr bagi merancang dan melaksanakan usaha-usaha menghasilkan persekitaran tempat kerja yang kondusif untuk meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan.


LAWATAN KERJA DIGITAL YB SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERLIS KE NEGERI PERAK

Pejabat YB Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis telah mengadakan Lawatan Kerja Digital ke Negeri Perak dalam usaha membangunkan Pelan Digital Perlis bagi tempoh tahun 2021 hingga 2025 pada 22 dan 23 Julai 2020. Delegasi tersebut telah mengadakan lawatan ke Gua Tempurung, Gopeng yang telah disertai oleh 10 orang wakil jabatan daripada Unit Perancang Negeri Perak, Tourism Perak dan Digital Perak.

Dalam lawatan tersebut, perkongsian ilmiah juga telah diberikan berkaitan pengurusan Gua Tempurung sebagai eko pelancongan utama di Daerah Kampar. Lawatan tersebut turut dihadiri oleh Tuan Khairul Anwar bin Ramli, Pegawai Daerah Kampar bersama Tuan Abdul Halim bin Saad, AMP, Yang Dipertua MDKpr dan semua Ketua Jabatan MDKpr.



PROGRAM DAN AKTIVITI MAJLIS DAERAH KAMPAR PELANCONGAN



Penggambaran 'MOH KENEI PERAK' Di Daerah Kampar

Penggambaran bagi program "Moh Kenei Perak" telah diadakan di Daerah Kampar dari 25 sehingga 27 Ogos 2020 yang meliputi enam segmen utama iaitu pelancongan, ekonomi, warisan budaya, cari makan, dialek dan Perak Green. Pengacara program ini adalah Shiha Zikir dan Zul Huzaimy yang telah ditayangkan di saluran Media Prima TV3 pada September 2020.



LAWATAN TEMPAT PELANCONGAN DAERAH KAMPAR

Lawatan ke tempat pelancongan di Daerah Kampar telah diadakan pada 7 September 2020. Lawatan ini telah disertai oleh Ahli-Ahli Majlis dan Ketua-Ketua Jabatan Majlis Daerah Kampar.



Mereka telah dibawa menyusuri tempat pelancongan di Daerah Kampar seperti Menara Jam Kampar, Paip Besar Gopeng dan Ladang The Gaharu. Penerangan dan info tempat pelancongan juga diberikan sepanjang perjalanan lawatan ini diadakan.





LAWATAN BERMOTOR MAJLIS PERBANDARAN PASIR GUDANG



Biro Rekreasi dan Kebudayaan Kelab Sukan dan Kebajikan Majlis Perbandaran Pasir Gudang telah membuat lawatan bermotor ke Majlis Daerah Kampar pada 17 September 2020. Lawatan ini bertujuan bertukar-tukar pandangan dan pengalaman di samping menjalinkan hubungan serta mengeratkan silaturahim. Sebanyak 16 buah motorsikal berkuasa tinggi terlibat dalam konvoi ini. Mereka telah dibawa melawat ke beberapa tempat pelancongan di sekitar Daerah Kampar iaitu Gua Tempurung, Ladang Teh Gaharu dan Disney Avenue Agacia Land. Mereka juga turut dibawa menjamu selera di Iqa Corner Nasi Vanggey.



PROGRAM DAN AKTIVITI MAJLIS DAERAH KAMPAR PELANCONGAN



TOURISM PROMOTION ORGANIZATION (TPO) REGIONAL MEETING FOR MALAYSIA MEMBER CITIES

MDKpr telah muncul di persada antarabangsa diwakili Tuan YDP Tuan Abdul Halim bin Saad dan Puan Siti Azura binti Haji Juki Setiausaha dalam Tourism Promotion Organization for Asia Pacific Cities Regional Meeting for Malaysia Member Cities pada 21 Oktober 2020 secara sidang video di Bilik Hibiscus, MDKpr. MDKpr telah disenarai sebagai Ahli Tourism Promotion Organization (TPO) di kalangan 129 City Members di peringkat Asia Pasifik.



Bual Bicara Halatuju Geopelancongan

Rancangan Bual Bicara Halatuju Geopelancongan anjuran Tourism Perak sempena Sambutan Ulang Tahun kali ke-2 Geopark Lembah Kinta telah diadakan pada 9 November 2020 di Bilik Mesyuarat Hibiscus, MDKpr.




TERIMA KASIH BARISAN HADAPAN

BERSAMA KITA PUTUSKAN RANTIAN COVID-19



**SANITASI DI
SELURUH
KOMPLEKS
MDKpr**



**SANITASI DI
IPD KAMPAR**



**SANITASI AWAM
DI PASAR AWAM,
TANDAS AWAM
DAN
PUSAT PENJAJA
MALIM NAWAR**




SEKITAR LENS PELAKSANAAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DI BAWAH KAWALAN PENTADBIRAN MDKpr

COVID-19
Coronavirus



SANITASI
DI KOMPLEKS
MDKpr



SANITASI AWAM
DI TERMINAL
DAN
PASAR AWAM
KAMPAR



SANITASI AWAM
DI PASAR
AWAM,
TANDAS AWAM
DAN
PUSAT PENJAJA
GOPENG





AKTIVITI DISINFEKSI 2020

Jabatan Kesihatan Awam MDKpr telah mengambil langkah pencegahan dengan melakukan kerja-kerja sanitasi bagi mencegah penularan jangkitan virus Covid-19. Kerja-kerja tersebut telah dilakukan di semua tempat awam di bawah pentadbiran MDKpr mengikut prosedur yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia

BIL	TEMPAT	TARIKH	CATATAN
1.	i. Pasar Awam, Medan Selera Tandas Awam Mambang Diawan ii. Pasar Awam, Pusat Penjaja Dan Pasar Awam	08/07/2020	Tindakan sanitasi di fasiliti milik MDKpr
2.	i. Pasar Awam Pusat Penjaja Tandas Awam Lawan Kuda Dan Kopisan ii. Tandas Awam, Pasar Awam, Terminal Bas Dan Pusat Penjaja Lawan Kuda	22/08/2020	Tindakan sanitasi di fasiliti milik MDKpr
3.	i. Tandas Awam, Medan Selera Dan Tandas Awam Malim Nawar ii. Tandas Awam, Pusat Penjaja Dan Tandas Awam Kopisan Dan Lawan Kuda	11/09/2020	Tindakan sanitasi di fasiliti milik MDKpr
4.	i. Pasar Awam, Medan Selera Tandas Awam Mambang Diawan ii. Pasar Awam, Pusat Penjaja Dan Pasar Awam	23/09/2020	Tindakan sanitasi di fasiliti milik MDKpr
5.	i. Pasar Awam Jeram ii. Medan Cahaya Kuala Dipang iii. Medan Selera Serta Tandas Awam Batu Karang @ Bina Jaya	07/10/2020	Tindakan sanitasi di fasiliti milik MDKpr
6.	i. Pasar Awam, Tandas Awam, Pusat Penjaja Dan Terminal 1 @ Kampar ii. Plaza Kranji iii. Plaza Suria	22/10/2020	Tindakan sanitasi di fasiliti milik MDKpr
7.	i. Medan Sentosa ii. Padan Astaka iii. Medan Selera Dan Tandas Awam Batu Karang iv. Medan Suria	12/11/2020	Tindakan sanitasi di fasiliti milik MDKpr
8.	i. Pasar Awam Dan Tandas Awam Jeram ii. Tandas Awam, Pasar Awam Dan Medan Selera Malim Nawar	26/11/2020	Tindakan sanitasi di fasiliti milik MDKpr
9.	i. Tandas Awam, Pasar Awam, Pusat Penjaja, Terminal Bas Gopeng, Lawan Kuda, Kopisan Dan Gopeng	09/12/2020	Tindakan sanitasi di fasiliti milik MDKpr
10.	i. Pasar Awam, Tandas Awam, Medan Selera, Mambang Diawan	24/12/2020	Tindakan sanitasi di fasiliti milik MDKpr

PROGRAM DAN AKTIVITI MAJLIS DAERAH KAMPAR LATIHAN DAN KURSUS



Nama Latihan : Taklimat Peranan Jawatankuasa Organisasi Keselamatan Kebakaran

Tarikh : 19 Ogos 2020

Tempat : Auditorium, MDKpr

Objektif taklimat adalah untuk mengetahui objektif dan peranan jawatankuasa Organisasi Keselamatan Kebakaran. Taklimat telah disampaikan oleh Penolong Pegawai Penguatkuasa MDKpr iaitu Encik Muhamad Syarafi bin Mohd Said dan telah dihadiri seramai 29 peserta.



Nama Latihan : Kursus Asas Fotografi

Tarikh : 12 - 13 Oktober 2020

Tempat : Bilik Mesyuarat Hibiscus, MDKpr

Kursus ini bertujuan untuk memberi pengetahuan asas mengendalikan kamera dan cara penjagaan kamera dengan betul dan telah dihadiri seramai 4 peserta. Selain itu juga, ia dapat meningkatkan kemahiran penggunaan kamera dan teknik penggunaan *mode* yang terdapat pada kamera tersebut semasa mengambil gambar dan menghasilkan gambar yang cantik dan berkualiti.



PROGRAM DAN AKTIVITI MAJLIS DAERAH KAMPAR LATIHAN DAN KURSUS



Nama Latihan : Pengurusan Perolehan Kerajaan Majlis Daerah Kampar

Tarikh : 17 - 18 September 2020

Tempat : Rumah Rehat Kampar

Bahagian Pentadbiran dan Pengurusan Sumber Manusia dengan kerjasama Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) telah menganjurkan Kursus Perolehan Kerajaan peringkat MDKpr bertempat di Bilik Seminar Rumah Rehat Kampar. Penceramah yang dijemput ialah Encik Meor Saharizan b. Meor Idris daripada INTAN Sungai Petani Kedah. Seramai 32 orang peserta telah dipilih mengikut Jabatan/ Bahagian/ Unit yang berkaitan bagi mengikuti kursus tersebut.

Objektif utama kursus adalah bagi memastikan perolehan dibuat mengikut dasar, peraturan dan prosedur yang telah ditetapkan kerajaan serta bagi melengkapkan pegawai-pegawai perolehan dengan pengetahuan, kemahiran serta teknik yang mampu membantu menguruskan perolehan kerajaan dengan cekap.



Nama Latihan : Kursus Induksi Keselamatan bagi Pekerja Binaan

Tarikh : 24 September 2020

Tempat : Bilik Mesyuarat Cassia Biflora Majlis Daerah Kampar

Bahagian Pentadbiran dan Pengurusan Sumber Manusia, MDKpr bersama CIDB Negeri Perak telah mengadakan Kursus Induksi Keselamatan bagi Pekerja Binaan bertempat di Bilik Mesyuarat Cassia Biflora Majlis Daerah Kampar. Taklimat telah disampaikan Encik Mohd Hedzir b. Sulaiman, tenaga pengajar CIDB Negeri Perak. Seramai 40 orang anggota Majlis telah menghadiri kursus tersebut.

Tujuan kursus tersebut adalah memberi maklumat tentang keperluan undang-undang mengenai keselamatan dan kesihatan serta kelebihan pemegang Kad Hijau CIDB secara automatik dilindungi skim insurans khas yang menginsuranskan Personel Binaan terhadap kemalangan dan kematian.

Keselamatan dan kesihatan di tapak kerja pembinaan adalah antara topik utama yang dibincangkan antara peserta dengan penceramah. Di akhir kursus peserta berpuas hati dengan penerangan yang diberikan. Diharap peserta yang hadir dapat memastikan tempat kerja yang selamat dan sihat ketika atau sedang menjalankan kerja di tapak binaan.



PROGRAM DAN AKTIVITI MAJLIS DAERAH KAMPAR LATIHAN DAN KURSUS



Nama Latihan : Latihan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia (Banci 2020)

Anjuran : Pejabat Daerah Dan Tanah Kampar dengan Kerjasama Jabatan Perangkaan Negeri Perak

Tarikh : 22 - 25 September 2020

Tempat : Auditorium, Majlis Daerah Kampar

Objektif kursus adalah memberi pengetahuan kepada Penyelia tentang konsep dan kaedah pembancian bagi menjalankan tugas dengan berkesan dan memberi latihan amali kepada Penyelia mengenai cara melengkapkan dokumen banci melalui penggunaan sistem (e-Doc) dan dokumen hardcopy. Latihan ini juga memberi petunjuk kepada Penolong Pesuruhjaya dan Penguasa Daerah dalam mengenalpasti Penyelia yang memerlukan lebih perhatian dan seliaan semasa kerja luar dan memberi perhatian kepada Penyelia yang lemah dan tidak dapat mengikuti sesi latihan dengan baik dan tentang pendekatan yang betul semasa menemuramah serta mengisi melengkapkan dokumen banci.



Nama Latihan : Kursus Penulisan Minit Mesyuarat Peringkat Majlis Daerah Kampar

Anjuran : Bahagian Pentadbiran dan Pengurusan Sumber Manusia

Tarikh : 28 - 29 September 2020

Tempat : Billik Seminar Rumah Rehat Kampar

Bahagian Pentadbiran dan Pengurusan Sumber Manusia, MDKpr telah menganjurkan Kursus Penulisan Minit Mesyuarat Peringkat Majlis Daerah Kampar yang telah diadakan di Billik Seminar Rumah Rehat Kampar. Penceramah yang dijemput ialah Encik Chai Loon Guan (Munshi Dewan Bahasa) Dewan Bahasa dan Pustaka yang berpengalaman luas mengenai tatabahasa. Seramai 31 orang peserta telah dipilih mengikut Jabatan/Bahagian/Unit bagi mengikuti kursus tersebut.

Objektif Kursus Penulisan Minit Mesyuarat ialah memberi kefahaman serta pendedahan kepada peserta mengenai kepentingan minit mesyuarat, mempraktikkan format yang tepat dalam mencatat dan merekod minit mesyuarat dan meningkatkan keyakinan diri dengan pengambilan minit mesyuarat yang tepat dan efektif. Interaksi antara peserta dan penceramah adalah sangat baik. Setiap peserta yang hadir telah menunjukkan komitmen yang tinggi dan berpuas hati dengan penyampaian penceramah.



PROGRAM DAN AKTIVITI MAJLIS DAERAH KAMPAR LATIHAN DAN KURSUS



Nama Latihan : Taklimat Cara Hidup Sihat
Tarikh : 9 Oktober 2020
Tempat : Auditorium Majlis Daerah Kampar

Bahagian Pentadbiran dan Pengurusan Sumber Manusia, MDKpr dengan kerjasama Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Majlis Daerah Kampar telah menganjurkan Taklimat Cara Hidup Sihat bertempat di Auditorium Majlis Daerah Kampar. Penceramah yang dijemput ialah Puan Syakirah bt. Abu Bakar, Pegawai Pemakanan Gred C41 daripada Pejabat Kesihatan Daerah Kampar yang berkepakaran dalam bidang pemakanan dan diet sihat. Seramai 40 orang peserta telah dipilih mengikut Jabatan/ Bahagian/ Unit yang berkaitan bagi menghadiri taklimat tersebut.

Objektif utama kursus adalah strategi untuk mengelakkan kenaikan berat badan, mengetahui amalan pemakanan yang sihat dan seimbang, kesan amalan pemakanan yang membahayakan diri dan kesedaran tentang kepentingan pemakanan sihat. Info yang terkini dan tips-tips yang disampaikan berjaya menarik minat peserta berinteraksi dengan penceramah. Di akhir kursus peserta berpuas hati dengan taklimat yang diberikan. Diharap peserta dapat mengimplementasikan pemakanan sihat untuk kesihatan diri bagi meningkatkan prestasi kerja yang cemerlang.




Nama Latihan : Kursus Kesedaran Keselamatan Perlindungan
Tarikh : 21 - 22 Oktober 2020
Tempat : Auditorium Majlis Daerah Kampar

Bahagian Pentadbiran dan Pengurusan Sumber Manusia, MDKpr dengan kerjasama Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Malaysia Cawangan Perak telah menganjurkan Kursus Kesedaran Keselamatan Perlindungan peringkat Majlis Daerah Kampar bertempat di Auditorium Majlis Daerah Kampar. Penceramah yang dijemput ialah Tuan Addy Husszairi b. Husin, Pengarah Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia Cawangan Perak yang berkepakaran dalam kerahsiaan dan keselamatan organisasi. Seramai 60 orang peserta telah dipilih mengikut Jabatan/ Bahagian/ Unit bagi menghadiri kursus tersebut.

Objektif utama kursus adalah memberi pengetahuan mengenai keselamatan perlindungan, memupuk kesedaran dan sikap bertanggungjawab terhadap kawalan keselamatan rahsia rasmi dan memberi kefahaman mengenai dasar, prosedur dan arahan berkaitan keselamatan perlindungan. Ancaman dan Pengurusan Keselamatan Fizikal dan Pengurusan Keselamatan Peribadi adalah antara topik utama dibincangkan antara peserta dengan penceramah. Diakhir kursus peserta berpuas hati dengan penerangan yang diberikan. Diharap peserta yang hadir dapat menjaga nama baik dan kerahsiaan sesebuah organisasi.



PROGRAM DAN AKTIVITI MAJLIS DAERAH KAMPAR LATIHAN DAN KURSUS



Nama Latihan : Bengkel Pelaksanaan Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPAA)

Tarikh : 22 Disember 2020

Tempat : Bilik Mesyuarat Cassia Biflora, Majlis Daerah Kampar

Kursus ini bertujuan untuk memberi hebahan dan pembelajaran terhadap pengurusan aduan secara atas talian selari dengan norma baharu dan penceramah merupakan Pengarah Biro Pengaduan Awam Negeri Perak iaitu Tuan Alfian b. Yaacob. Sistem ini diwujudkan untuk meningkatkan keberkesanan dan memenuhi keperluan proses pengurusan aduan awam. Semua Ketua Jabatan dan Pegawai Pengurusan Aduan Jabatan telah menghadiri bengkel ini iaitu seramai 36 peserta.



PROGRAM DAN AKTIVITI MAJLIS DAERAH KAMPAR MAJLIS PERHIMPUNAN ANGGOTA



Perhimpunan Anggota Bil. 4/2020 - 29 Julai 2020 *Pengisian Program*

- Pelantikan Jawatankuasa Program Pembangunan Inisiatif Kejiranan Hijau MDKpr iaitu :
 - a. Projek Pengkomposan Sisa Pepejal
 - b. Projek Kebun Kejiranan
- Majlis Pelancaran Kempen Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Tahun 2020.
- Sambutan Ulang Tahun Kelahiran Anggota MDKpr bagi bulan Mac, April dan Julai 2020



Perhimpunan Anggota Bil. 5/2020 - 25 Ogos 2020 *Pengisian Program*

- Majlis Persaraan Anggota MDKpr iaitu Encik Abdul Samad bin Alias, Encik Hussain bin Ahmad dan Encik Aziz bin Jaafar.
- Sambutan Ulang Tahun Kelahiran Anggota MDKpr bagi bulan Mei, Jun dan Ogos 2020.



Perhimpunan Anggota Bil. 6/2020 - 30 September 2020 *Pengisian Program*

- Penyampaian hadiah Pertandingan Bola Sepak Fantasi (EPL 2019/2020)
- Majlis Persaraan Anggota iaitu En. Mohamad Yusuf bin Mat Ali, En. Jamal Safry bin Abbas dan En. Nagendran A/L Nadason
- Sambutan Ulang Tahun Kelahiran Anggota MDKpr bagi bulan September 2020



PROGRAM DAN AKTIVITI MAJLIS DAERAH KAMPAR MAJLIS PERHIMPUNAN ANGGOTA



Perhimpunan Anggota Bil. 7/2020 - 22 Oktober 2020 *Pengisian Program*

- Ucapan oleh Yang Dipertua MDKpr Tuan Abdul Halim bin Saad, AMP
- Sambutan Ulang Tahun Kelahiran Anggota bagi bulan Oktober



Perhimpunan Anggota Bil. 8/2020 - 29 Disember 2020 *Pengisian Program*

Kerajaan Negeri Perak melalui Majlis Daerah Kampar telah memberi sumbangan anak pokok buah-buahan iaitu manggis, rambutan dan durian sempena Program Perak *Greenprint* 2020. Agensi kerajaan yang terlibat adalah daripada Pejabat Daerah dan Tanah Kampar, Pejabat Orang Besar Jajahan Kampar, Ahli- Ahli Majlis Daerah Kampar, Pejabat Kesihatan Daerah Kampar, Ibu Pejabat Polis Daerah Kampar, Balai Bomba dan Penyelamat Kampar, Pejabat Pendidikan Daerah Kampar dan semua sekolah dalam Daerah Kampar yang terdiri daripada 46 buah sekolah (sekolah rendah dan menengah).

Jumlah pokok yang disumbangkan melalui program ini adalah sebanyak 1,200 anak pokok. Diharapkan melalui sumbangan ini akan melestarikan dan menghijaukan Daerah Kampar menjadi bandar yang mampan. Program dilaksanakan dengan mematuhi Prosedur Operasi Standard (S.O.P) seperti penjarakan fizikal dan pemakaian pelitup muka.



PROGRAM DAN AKTIVITI MAJLIS DAERAH KAMPAR LOCAL AGENDA 21



Senarai Program LA 21 / Vektor Bagi Julai - Disember 2020

BIL	TARIKH	NAMA PRORAM
JULAI		
1	26 Julai 2020	Gotong Royong di Kampung Tualang Sekah, Malim Nawar
OGOS		
2	15 Ogos 2020	Gotong Royong di Taman Gopeng Jaya, Gopeng
3	23 Ogos 2020	Taklimat dan demo bagi pembuatan baja di Program Eco Green Market di Pasar Awam Batu Gajah
4	30 Ogos 2020	Gotong Royong di Taman Sri Emas, Kampar
SEPTEMBER		
5	05 September 2020	Gotong Royong di Kampung Baru Kopisan, Gopeng
6	06 September 2020	Program Kitar Semula Buddhist Tzu Chi di Bandar Baru
7	13 September 2020	Pameran Baja Kompos dalam Program Semarak Malaysiaku di Arena Rakyat Tualang Sekah Malim Nawar
NOVEMBER		
8	02 November 2020	Gotong Royong di Taman Melayu Jaya, Kampar
DISEMBER		
9	20 Disember 2020	Jom Kitar Semula : Tukarkan Barang Kitar Semula Anda Dengan Barang Dapur di Lawan Kuda, Gopeng





LOSE TO WIN *4 September 2020* *'Jom Kita Kayuh'*



Kelab Sukan juga menganjurkan kayuhan santai pada hujung minggu bersama-sama dengan ahli kelab yang berminat dengan aktiviti berbasikal ini. Disamping dapat bertukar pandangan dan minat tentang sukan tersebut ahli-ahli juga dapat meluaskan pandangan menjelajah tempat-tempat menarik di sekitar Daerah Kampar dan daerah yang berdekatan.





Sumbangan Kakitangan

Penyampaian sumbangan sempena menyambut Hari Deepavali telah disampaikan oleh Yang Dipertua Badan Kebajikan Majlis Daerah Kampar En. Mior Ahmad Taha bin Tajri pada 13 November 2020.



PROGRAM DAN AKTIVITI MAJLIS DAERAH KAMPAR PENCAPAIAN 2020



Pencapaian Status Bandar Mampan Tahun 2020 dalam Program Pengukuran Bandar Mampan Malaysia melalui MURNInets sempena Hari Perancangan Bandar Sedunia 2020 pada 10 November 2020 di Putrajaya.

Penyertaan keahlian dalam Persatuan Pihak Berkuasa Tempatan Malaysia.



Penyertaan dalam Pertandingan Anugerah Inovasi Negeri Perak Tahun 2020 :-
Nama projek Car Pro Line - Penyediaan Garisan Tempam Letak Kereta
Kumpulan : Mind Power





.... LOGO INISIATIF KEJIRANAN HIJAU

Majlis Daerah Kampar

SIMBOLIK KEPADA WARNA

-  BERINGAT
-  BERSATU
-  PEKA / KETUA
-  SUBUR
-  BIJAK
-  SEMANGAT
-  BERSIH

VISUAL LOGO




BOTOL MINERAL



TIN SUSU



(SPROCKET) GEGANCU BASIKAL



Inisiatif
MDK_{pr}7
KEJIRANAN HIJAU



LOGO - INISIATIF KEJIRANAN HIJAU MDK_{pr}

Cetusan idea yang diekstrak dengan menggunakan teknik "Gesture Drawing" daripada gabungan sebatang pokok beserta barangan yang biasa dibuang dan dikitar semula. Dilambah dengan kesinambungan warna-warna korporat telah berjaya mencetus SEBUAH LOGO yang mempamerkan KEMATANGAN dan sifat KETERBUKAAN MDK_{pr}.

SIMBOLIK KEPADA POKOK

Sebatang pokok - Menghijau (Tanda kehidupan sesuatu tempat) teguh, kukuh berdiri dengan akar-akar yang memasak bumi. Melindungi bagai sebuah payung yang memberi perlindungan kepada kehidupan. Bermula dari proses tumbesaran, beroksigen, berdaun, berbunga, berbuah, kembali ke sebatang kayu yang mereput dan menjadi baja.

Bersifat Kekeluargaan - Batang pokok ibarat KETUA yang berdiri teguh dan akar-akar yang pelbagai saiz memasak ke bumi ibarat kumpulan KAKITANGAN yang bekerjasama menyokong batang pokok untuk berdiri teguh.

KENAPA POKOK MENJADI ILHAM LOGO KITAR SEMULA ?

Watak POKOK itu sendiri bersifat kitar semula bermula proses tumbesaran sehingga ia mati. Konsep inilah yang diterapkan ke dalam LOGO KITAR SEMULA MDK_{pr}. Barangan yang terpakai dikitar akan menjadi berguna dan memberi manfaat kepada kehidupan.


WARNA-WARNA KORPORAT MDK_{pr} digarap dan diadun bersama-sama LOGO KITAR SEMULA MDK_{pr} serta dimantapkan lagi dengan terjemahan / simbolik bagi setiap warna.



3 akar besar berbentuk kaki
Perpaduan yang kukuh hingga ke akar umbi. Tetap berdiri teguh walau digoncang. Sekiranya hanya ada 1 atau 2 kaki, ia naya pasti lebih mudah bergoncang.

Kaki pelbagai arah
Sentiasa bergerak menyahut wawasan.

Tapak berwarna UNGU
Terhasil daripada campuran warna Biru dan Merah melambangkan gabungan idea yang mantap mampu menghasilkan sesuatu di luar kotak fikiran dan berjaya mencipta kejayaan yang luarbiasa. Kedudukan tapak di bawah membawa makna "Kejayaan bermula dari bawah" walau sudah berdiri teguh ia sentiasa berpajak di bumi nyata. (Sentiasa merendah diri)



Majlis Daerah Kampar
Kompleks Pentadbiran MDK_{pr} Jalan Iskandar
31900 Kampar, Perak Darul Ridzuan
Tel: 05-4671020 / Faks: 05-4671040